

Sejarah Falak Nusantara Melayu

Nor Azam bin Mat Noor¹

Penyelidik Bebas Astronomi Islam

¹Email: azzameen@gmail.com

Abstract

Malay archipelago is considered as a major Islamic development which includes the Malay archipelago stretching from Sumatra in the west to Sulawesi in the east. Arab traders with the help of the monsoon wind picked up many stops to trade and develop Islam at the same time. Thus Falak is a fardhu kifayah who needs to be taught to strengthen the obligatory practices of 'obligatory' in Islam such as performing prayers, facing the Qiblah, fasting and performing zakat. Arab traders also married local women and settled mostly kept in the Malay region while the next generation of pervasive importance of astronomy through Saiyid faction and Sheikh which have a high reputation among the society.

Keywords: *Falak, Nusantara, Malay.*

Artikel Info

Received:

18 Februari 2020

Revised:

19 Maret 2020

Accepted:

08 April 2020

Published:

02 Juni 2020

Abstrak

Nusantara Melayu dianggap sebagai tapak perkembangan Islam utama yang meliputi gugusan kepulauan Melayu menganjur dari Sumatera di barat hingga ke Sulawesi di timur. Para pedagang Arab dengan berbantuan angin monsun memilih sekian banyak perhentian untuk berdagang dan mengembangkan agama Islam pada masa yang sama. Dari itu Ilmu Falak yang merupakan fardhu kifayah perlu diajar untuk memperkuat amalan fardhu 'ain yang wajib dalam agama Islam seperti menunaikan sembahyang, mengadap ke arah qiblat, berpuasa dan menunaikan zakat. Para pedagang Arab ini juga berkahwin dengan wanita tempatan dan kebanyakannya menetap terus di rantau Melayu sambil generasi seterusnya menyebarkan kepentingan Ilmu Falak menerusi golongan Saiyid dan Syekh yang mempunyai reputasi tinggi dalam kalangan masyarakat.

Kata Kunci : *Falak, Nusantara, Melayu.*

A. Pendahuluan

Kedatangan Islam dapat dikenal pasti melalui Sejarah Melayu iaitu 'Sulalatus

Salatin' yang menyebut satu riwayat bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda: "Pada akhir zaman kelak ada sebuah negeri bawah angin. Negeri itu bernama Samudera. Sekiranya

kamu mendengar berita tentang negeri itu, hendaklah kamu pergi ke situ. Ajaklah orang-orang di negeri itu memeluk agama Islam. Di negeri itu nanti akan lahir banyak wali Allah. Pergilah ke negeri itu dengan seorang fakir. Fakir itu tinggal di negeri Muktabari.” Maka beberapa lama setelah kewafatan Rasulullah SAW terdengarlah berita tentang negeri Samudera. Raja Mekah menitahkan orang-orangnya pergi ke negeri itu. Baginda menyediakan sebuah kapal dan menitahkan Syeikh Ismail menjadi nakhoda kapal tersebut. Baginda juga berpesan supaya kapal itu singgal di negeri Muktabari.

Pada hari yang ditetapkan, kapal pun belayar. Apabila sampai ke negeri Muktabari, kapal itupun berhenti. Raja negeri Muktabari itu bernama Sultan Muhammad. Baginda berasal dari keturunan Saiyidina Abu Bakar Ash Shiddiq. Baginda melihat kapal dari Mekah itu berlabuh di negerinya. Baginda segera pergi dekat dengan kapal tersebut dan bertanya, “Dari manakah kapal ini?” Salah seorang dari orang di dalam kapal itu menjawab, “Kami datang dari Mekah. Kami hendak pergi ke negeri Samudera. Pemergian kami ini adalah kerana menurut sabda Rasulullah.

Sultan Muhammad sungguh tertarik hati mendengar penerangan itu

seterusnya baginda rela turun takhta dan menabalkan anakandanya menjadi raja. Setelah itu mereka pun belayarlal dan tiba di negeri Fansuri. Sultan Muhammad menukar namanya menjadi Fakir Muhammad. Semua orang di Fansuri habis diIslamkannya. Setelah itu mereka terus belayar ke Lamiri dan Haru. Di setiap negeri mereka berhenti, Fakir Muhammad mengIslamkan semua penduduknya. Semasa di Haru ada orang memberitahu bahawa negeri Samudera telah dilalui dan mereka pun berpatah balik dan disinggal di Perlak. Orang Perlak turut menerima Islam. Selepas itulah baru mereka tiba di Samudera. Semasa kapal dari Mekah itu mendarat, Merah Silu secara kebetulan berada di pantai. Fakir Muhammad pun bertanya apakah nama negeri itu dan siapakah ketuanya dan dijawab oleh Merah Silu: “Samudera dan Hamba lah ketua negeri ini.”

Fakir Muhammad kemudian mengajar Merah Silu mengucap dua kalimah syahadah dan memeluk Islam. Pada malamnya Merah Silu bermimpi Rasulullah SAW menyuruhnya membuka mulut dan Rasulullah meludahi mulut Merah Silu. Keesokannya Merah Silu mendapati badannya berbau harum. Apabila Fakir Muhammad datang membawakan kitab suci Al Quran, berkat dari mimpinya tadi, Merah Silu sudah boleh membaca Al Quran. Fakir Muhammad sungguh gembira. Ia segera menemui Syeikh Ismail. Mereka percaya


bahawa itulah negeri yang dimaksudkan oleh baginda Rasulullah SAW. Kemudian mereka pun mengangkat Merah Silu menjadi Raja Samudera dengan nama gelaran baru, Sultan Malikush Shalih.

Pada tahun 1973, penemuan matawang dirham emas yang tertulis nama Sultan Malikuth Thahir (1345 Masehi) sementara makam Sultan Malikush Shalih ditemui di Gampong, Samudera yang bertarikh 1297 Masehi. Ibnu Bathuthah pengembara terkemuka dunia Islam pernah mengunjungi Samudera dan bertemu Sultan Malikuth Thahir pada tahun 1345 Masehi. Menurut beliau, syi'ar Islam sudah tersebar di Samudera selama hampir satu abad lamanya. Inilah bukti-bukti yang membenarkan sabda Rasulullah SAW walaupun tidak diketahui dan ditemui dari mana sanad hadis ini berasal yang ditulis dalam Sulalatus Salatin.

Dapat dikatakan bahawa Ilmu Falak datang ke Nusantara Melayu serentak dengan penyebaran agama Islam dan pelayaran di laut lepas juga amat memerlukan pengetahuan Ilmu Falak dalam navigasi maritim untuk penentuan arah dan pengemudian kapal yang menggunakan pencerapan matahari, bulan dan bintang-bintang untuk diketahui deklinasi jasad-jasad cakerawala berkenaan, dan dari ini dapat diketahui

pula di latitud mana kapal itu berada. Pada masa-masa yang lalu, kapal pedagang Arab dikenali sebagai "Dhow" iaitu sebuah kapal yang berukuran sederhana tetapi mampu untuk mengharungi lautan yang luas.

Pada masa ini kuasa Portugis belum lagi muncul (hanya mulai tahun 1498 iaitu kemunculan Vasco da Gama yang belayar hingga ke Calicut, India atas pedoman yang diberikan oleh pelaut Arab terkemuka bernama Ahmad ibnu Majid). Para pelayar Arab sangat mahir dalam selok-belok di Lautan Hindi dan mereka menguasai rantau ini semenjak abad ke-10 Masehi lagi. Maka tidak hairanlah mereka mampu sampai hingga ke Muktabari dan Samudera-Pasai seawal abad ke-13 Masehi. Gambar 1 menunjukkan laluan pelayaran yang dibuat ukuran jarak oleh pelayar Arab, Sulaiman Al Mahri dengan cara trigonometri. Perbandingan dengan nilai moden dalam Jadual 1 menunjukkan sedikit selisihan kecuali dari Pemba ke Bali.



Gambar 1. Laluan pelayar Arab.

Laluan pelayar Arab, Sulaiman Al Mahri dari Pantai Timur Afrika hingga ke Pantai Barat Sumatera. Kepulauan Maldives berada di tengah-tengah pusat pelayaran di Lautan Hindi di selatan India menjadi perhentian sementara apabila lautan bergelora dan cuaca yang buruk. Pelayaran ini sebenarnya selamat walaupun menempuhi jarak yang sangat jauh

Laluan pelayaran Sulaiman Al Mahri sangat penting dalam pencarian garisan bujur bumi yang dengannya diketahui perbezaan longitud bagi kedua-dua bahagian yang dipisahkan oleh Lautan Hindi adalah sebanyak 70 darjah (40° T hingga 110° T) Berikut diuraikan dalam **Tabel 1.** dibawah ini :

Tabel 1. Laluan pelayaran Sulaiman Al Mahri

Lokasi Pelayaran		Sulaiman Al Mahri			Nilai Moden					
Titik pada Pantai Timur Afrika (A)	Titik pada Pantai Barat Sumatera (B)	Latitud (A)	Jarak dalam Zam	Jarak dalam Darjah	Latitud (A)	Longitud (A)	Latitud (B)	Longitud (B)	Jarak dalam Darjah	Selisihan
1. Muqbil Atoll (Mareek?)	Makufang (Meulaboh)	$4^{\circ}24'$	234	$50^{\circ}09'$	$3^{\circ}46'$	$47^{\circ}15'$	$4^{\circ}10'$	$96^{\circ}09'$	$48^{\circ}54'$	$+1^{\circ}15'$
2. Muruti	Fansuri (Barus)	$2^{\circ}47'$	248	$53^{\circ}09'$	$(2^{\circ}47')$	$46^{\circ}21'$	$2^{\circ}02'$	$98^{\circ}20'$	$51^{\circ}59'$	$+1^{\circ}10'$
3. Barawa	Pariaman	$1^{\circ}10'$	264	$56^{\circ}34'$	$1^{\circ}02'$	$44^{\circ}02'$	$2^{\circ}16'$	$100^{\circ}00'$	$55^{\circ}58'$	$+0^{\circ}36'$
4. Malindi	x	—	—	—	$0^{\circ}48'$	$43^{\circ}39'$	$0^{\circ}48'$	$99^{\circ}01'$	$55^{\circ}22'$	—
5. Malawan (Imama)	Indrapura	$-0^{\circ}30'$	278	$59^{\circ}34'$	$-0^{\circ}03'$	$42^{\circ}44'$	$-2^{\circ}02'$	$100^{\circ}56'$	$58^{\circ}12'$	$+1^{\circ}22'$
6. Kitawa (Pale Island)	Sundabari (Sillebar)	$-2^{\circ}07'$	292	$62^{\circ}34'$	$-2^{\circ}04'$	$41^{\circ}05'$	$-4^{\circ}10'$	$102^{\circ}20'$	$61^{\circ}15'$	$+1^{\circ}19'$
7. Mombasa	Bengkulu	$-3^{\circ}44'$	306	$65^{\circ}34'$	$-4^{\circ}04'$	$39^{\circ}40'$	$-4^{\circ}21'$	$106^{\circ}00'$	$66^{\circ}20'$	$-1^{\circ}14'$
8. Zanzibar	Sunda	—	—	—	$-6^{\circ}06'$	$39^{\circ}47'$	-6°	$105^{\circ}50'$	$66^{\circ}03'$	—
9. Jazirat Al Hadra (Pemba)	Bali	$-5^{\circ}21'$	317	$67^{\circ}56'$	$(-5^{\circ}21')$	$39^{\circ}44'$	-8°	$115^{\circ}00'$	$75^{\circ}16'$	$-7^{\circ}20'$

Sejarah Falak di Melaka

Pada awal abad ke-15 Masehi ketika mana kerajaan Melaka baru akan bangkit sebagai satu kuasa maritim terkemuka di seantero Melayu, Raja Melaka ketika itu bernama Parameswara belum lagi memeluk agama Islam. Kisah bagaimana Raja Melaka memeluk Islam adalah lebih kurang sama dengan kisah bagaimana Merah Silu memeluk Islam, hal ini juga ada diceritakan dalam Sulalatus Salatin sebagai sumber ceritera Melayu yang teragung. Dalam hal Parameswara ini, beliau mendapat alamat di dalam mimpinya bahawa akan ada satu rombongan pelayaran dari Jeddah akan mendarat di pantai Melaka pada waktu petang dan beliau diarahkan supaya menyambut mereka. Keesokannya ketibaan Syeikh Abdul Aziz An Nayyiri di pantai Melaka sejurus masuknya waktu asar dan syeikh berkenaan bersolat di pantai sambil disaksikan oleh orang-orang Melaka. Parameswara kemudiannya memeluk Islam bergelar Sultan Iskandar Shah.

Dari sini terdapat dua petanda Ilmu Falak yang ditonjolkan iaitu masuknya waktu asar dan mengadap qiblat berpandukan hala bayang matahari pada waktu petang hari tersebut. Kajian belum

lagi dibuat untuk mencari bilakah hari dan tahunnya serta waktu solat pada masa ketibaan Syeikh Abdul Aziz ke pantai Melaka. Ini sangat penting untuk mendokumentasikan ketibaan Syeikh itu ke Melaka bagi mengembangkan ajaran

Islam dan mengajar Ilmu Falak. Dapat dikatakan bahawa selain Ilmu Falak, Ilmu Pelayaran sudah tentu sekali turut diajar kepada penduduk Melaka selepasnya apabila pada zaman Hang Tuah, kapal 'Mendam Berahi' menjadi pengangkutan laut utama oleh kerajaan Melaka yang belayar hingga ke Jeddah pada tahun 1482 ketika pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah. Hang Tuah menunaikan fardhu haji pada hari Rabu, 10 Dzul Hijjah 886 Hijrah = 8 Februari 1482 Masehi Gregorian = 30 Januari 1482 Masehi Julian.

Tabel 2. Sultan-Sultan yang memerintah Melaka.

No	Sultan-Sultan Melaka	Takhta (Tahun Masehi)
1	Iskandar Shah (Parameswara)	1400 – 1414
2	Megat Iskandar Shah	1414 – 1424
3	Muhammad Shah	1424 – 1444
4	Abu Syahid Shah	1444 – 1446
5	Muzaffar Shah	1445 – 1459
6	Mansur Shah	1459 – 1477
7	Alauddin Riayat Shah	1477 – 1488
8	Mahmud Shah	1488 – 1511
9	Ahmad Shah (di Johor)	1511 – 1513

Difahamkan kisah Puteri Gunung Ledang berlaku ketika zaman pemerintahan Sultan Melaka ke-8 iaitu Sultan Mahmud Shah (1488 – 1511). Manakala Hang Tuah mula berkhidmat dengan kerajaan Melaka pada sekitar tahun 1456 ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1445 – 1459) lagi dan sezaman dengan Tun Perak. Di masa hidup Hang Tuah terjadinya gerhana matahari penuh yang berlaku di Melaka pada hari Khamis, 13 Disember 1498 Masehi Julian bersamaan 29 Rabi'ul Akhir 904 Hijrah, pada jam 1:03:28 tengahari.

Justeru dari peristiwa-peristiwa di atas, kita dapat memahami bahawa Ilmu Falak bukan setakat berkembangnya serentak dengan masuknya agama Islam tetapi apakah fenomena falak yang berlaku semasa peristiwa-peristiwa tadi itu berlaku dalam sejarah Melayu, contohnya gerhana matahari 1498. Kita sukar menemui manuskrip Melayu yang berkisar kejadian gerhana bulan dan matahari melainkan terdapat dalam tulisan Munsyi Abdullah atau nama penuhnya Abdullah bin Abdul Qadir Munsyi (1796 – 1854) iaitu dalam 'Hikayat Abdullah'. Gerhana Matahari yang disebutkan dari 'Hikayat Abdullah' berlaku semasa umur Munsyi Abdullah mencapai 25 tahun.

Pada 4 Mac 1821, gerhana matahari

yang berlaku ini adalah hampir penuh dan keadaan sekitaran adalah seakan-akan senja namun tidak gelap sepenuhnya. Suasana yang dinyatakan dalam hikayatnya memperlihatkan ketakutan masyarakat Melaka pada waktu itu. Penjelasan yang baik oleh beliau adalah bersesuaian dengan tahap pendidikannya yang dianggap telah berada di kemuncak kematangan sebagai pengarang pada usia ini. Menarik diperhatikan dari gerhana 4 Mac 1821 ke 4 Mac 1840 adalah genap 19 tahun pusingan gerhana yang disebut Pusingan Meton.

B. Metode Penelitian

Penelitian ini termasuk dalam penelitian kepustakaan (*library research*) yaitu penulis berbicara banyak dengan buku-buku, arsip-arsip, dokumen-dokumen, dan catatan-catatan. Jenis penelitian ini adalah kualitatif dengan pendekatan deskriptif analitik.

C. Hasil Dan Pembahasan

Hakikat yang tidak dapat ditolak ialah betapa peranan yang dimainkan oleh para pengembang agama Islam yang bergelar Syeikh dan Saiyid sebermula mereka tiba di Nusantara. Batu Bersurat Terengganu menjadi bukti bertulis yang paling kukuh betapa agama Islam mula bertapak di Terengganu seawal tahun 702 Hijrah bersamaan 1303 Masehi sepertimana yang tercatat iaitu "Adi pertama ada Jumaat di bulan Rajab di tahun Sarathan

di sasanakala Baginda Rasulullah telah lalu tujuh ratus dua". Maksud Sarathan adalah bilamana Bulan berada di Bintang Syarathan di Buruj Aries pada hari Jumaat, 22 Februari 1303 (5 Rejab 702) dan turut berada di di Buruj Sarathan (Cancer) pada hari Jumaat, 1 Mac 1303 (11 Rejab 702). Pada kedua-dua tarikh ini, bulan menunjukkan arah ke qiblat.

1303) dan Bulan di Cancer (1 Mac 1303) adalah membetuli ke arah qiblat! Ini sudah semestinya satu perhitungan yang sangat baik daripada pencerapan yang telah dilakukan sebaik sahaja orang Melayu pada waktu itu telah memahami kaedah penentuan arah qiblat.



Gambar 2: Penyebaran Islam ke Nusantara Melayu oleh para pedagang dan pelaut Arab

Kedatangan Islam sebetulnya banyak mengubah cara berfikir yang kekunoan ini kepada cara berfikir yang lebih rasional dalam memahami perjalanan alam semesta maka setiap fenomena langit yang dilihat itu ditafsirkan dengan lebih bijak. Maka itulah Batu Bersurat Terengganu telah dipahat dengan pengetahuan Ilmu Falak yang sangat tinggi kerana pada kedua-dua tarikh yang disebutkan tadi, Bulan di Aries (22 Februari

Kita tidak mempunyai banyak maklumat tokoh-tokoh Ilmu Falak zaman lampau. Rekod paling awal perguruan falak dimulai dengan kemunculan Syekh Muhammad Arsyad bin Abdullah Al Banjari (1710 – 1812). Beliau menetap di Mekah selama 30 tahun sebermula usianya 30 tahun. Pada tahun 1770 barulah beliau pulang ke tanahair. Di Betawi (Jakarta), beliau membetulkan arah qiblat beberapa masjid dalam tahun 1773. Keahlian Syekh Arsyad menonjol dalam Ilmu Falak adalah

bilamana menentukan perkahwinan anak perempuannya yang manakah masa ia dijodohkan lebih awal. Dengan mengambilkira waktu Mekah dengan Martapura maka perkahwinan anak perempuannya dengan Usman diputuskan secara fasakh dan disahkan perkahwinan Syarifah dengan Syeikh Abdul Wahab Bugis

Sekadar yang diketahui menurut manuskrip Melayu ‘Tuhfat An Nafis’ karangan Raja Ali Haji (1809 – 1872) dari Riau bahawa di antara bukti terpalang awal penggunaan Ilmu Falak adalah semenjak kedatangan Daeng Perani belayar dari Sulawesi ke Tanah Melayu pada pertengahan abad ke-17 Masehi. Daeng Rilaga (anak Lamaddusolat iaitu seorang Raja Bugis pertama yang memeluk Islam), yakni bapa kepada Daeng Perani telah membawa bersama-samanya manuskrip pelayaran Bugis yang berisi maklumat falak berpandukan buruj-buruj bintang bertarikh tahun 1699. Maklumat falak sebegini juga diketahui dan diamalkan oleh Raja Haji (1725 – 1784) pada tahun 1750-an untuk mengemudi pelayaran di Selat Melaka dan sekitarnya. Menurut ‘Tuhfat An Nafis’ lagi, di Riau, Raja Ahmad selaku bapa kepada Raja Ali Haji dinyatakan telah berkenalan dengan Tuan Syed Umar, seorang Saiyid berbangsa Arab di Betawi dan pada masa yang sama Raja Ahmad turut berulang-alik mengaji

Ilmu Falak kepada Syeikh Abdul Rahman Mishri di Betawi dalam tahun 1822.

Semasa Raja Ali Haji mengikut ayahnya Raja Ahmad ke Mekah pada tahun 1817, mereka mentahqiqkan pelbagai ilmu termasuk Ilmu Hisab dan Falak kepada Syeikh Daud bin Abdullah Al Fathani. Salah seorang kerabat Raja Ali Haji yang berbakat dalam Ilmu Falak ialah Raja Haji Muhammad Tahir bin Raja Haji Abdullah Riau iaitu Hakim Riau-Lingga. Namun putera Raja Haji Muhammad Tahir bernama Raja Haji Muhammad Said seorang yang sangat produktif dalam menghasilkan sekian banyak karya falak. Justeru kerabat Diraja Riau-Lingga inilah yang merintis dan memberi laluan mudah kepada Syeikh Tahir Jalaluddin memperkembangkan Ilmu Falak di kemudian hari.

Penulisan kitab falak pertama dan tersebar paling meluas diketahui adalah melalui tulisan Syeikh ‘Abbas Kutakarang, Aceh berjudul ‘Sirajuzh Zhalam fi Ma’rifatis Sa’di wan Nahasi fisy Syuhuri wal Aiyam’ pada tahun 1849 yang membicarakan hisab falak dan astrologi secara bersepadu. Selain itu, ulama Patani (Fathani) juga sangat mahir Ilmu Falak. Pada tahun 1886 manuskrip tulisan Syeikh Ahmad Al Fathani berjudul ‘Tahqiq Matnisy Syakhawiyah fi ‘Ilmi Hisab’ membicarakan Ilmu Hisab (Matematik) yang berhubung rapat dengan Ilmu Falak. Pada

tahun 1887 beliau mentahqiq sebuah kitab yang membicarakan Ilmu Falak ‘Tahqiq Wasilatith Thullab li Ma’rifati A’malil Laili wan Nahari bi Thariyqil Hisab’.

Pada tahun 1892 muncul Syeikh Abdur Rahman Gudang Al Fathani yang merupakan anak murid kepada Syeikh Ahmad Al Fathani dengan karyanya ‘Minhajul Qawim Pada Mengetahuikan Hisab dan Taqwim’. Seterusnya pada tahun 1895, Syeikh Ahmad Al Fathani berjaya menulis kitab falak ‘Ghayatul Idrak fil ‘Amali bi Kuratil Aflak’ dan yang akhir ialah karya falak yang paling besar tetapi tidak sempat diselesaikan penulisannya berjudul ‘Risalah fil ‘Amal bi Rubu’id Da-irah’. Semua kitab beliau ditulis dalam bahasa Arab. Syeikh Ahmad Fathani mempunyai murid-murid yang sangat ramai dalam perguruan falak. Mereka yang mewarisi Ilmu Falak beliau ialah Haji Omar bin Ismail Nuruddin (Sungai Keladi, Kelantan), Syeikh Tahir Jalaluddin (Minangkabau), Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Nik Mat Kechik Al Fathani, Syeikh Abdullah Fahim (Pulau Pinang), Haji Abu Bakar Hj Hassan (Muar, Johor), Syeikh Muhammad Jamil Jambek (Minangkabau) dan ramai lagi.

Manakala Syeikh Muhammad Mukhtar bin ‘Atharid Al Buhgri (Bogor)

Al Batawi Al Jawi yang sedikit muda dua tahun daripada Syeikh Ahmad Khatib Abdul Latif (Minangkabau) mempelajari Ilmu Falak di Mekah dari Syeikh Ahmad Al Fathani. Tulisan Syeikh Mukhtar Bogor ialah ‘Taqribul Maqshad fil ‘Amali bir Rub’il Mujaiyab’ (Menghampiri Maksud Dengan Mengamalkan Rubu’ Mujaiyab) yang selesai dikarang pada tahun 1891. Kitab ini digunakan dengan sepenuhnya oleh Syeikh Abdullah Fahim kemudiannya semasa membuka pondok pengajian Da-iratul Ma’arif Al Wathaniyah di Kepala Batas, Pulau Pinang pada tahun 1948 dan juga sebelumnya di Madrasah Idrisiah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1930-an. Bukti penggunaan kitab ini ialah kewujudan sebuah rubu’ mujaiyab kepunyaan Syeikh Abdullah Fahim di sekolah tersebut.

Ahli-ahli Falak Tanah Melayu

Pada tahun 1730-an, Haji Muhammad Salleh @ Nakhoda nan Intan dari Payakumbuh dan Datuk Jenatun dari Pagarruyung, Sumatera menjadi pengembang agama Islam yang pertama di Pulau Pinang sebelum ketibaan Francis Light apabila mendirikan sebuah masjid di Batu Uban. Mereka membawa bersama sebuah jadual waktu solat sewaktu belayar ke Tanah Melayu. Jadual waktu solat ini masih diwarisi oleh anak cucu cicit mereka hingga kini. Demikian diberitahu oleh Ustaz Haji Hassan Abdul Latif, pengajar kursus haji

dan penyampai persoalan agama Radio Malaysia Pulau Mutiara yang menetap di Bayan Baru. Jika ditinjau dari aspek perhitungan waktu solat, terdapat cara-cara perhitungan yang berbeza namun masih menghasilkan keputusan yang agak sama tetapi tidak diketahui bagaimana Tok Jenatun mengasimilasikan waktu solat di Indonesia setelah menetap di Tanah Melayu? Bagaimanakah pula arah qiblat ditetapkan untuk Masjid Batu Uban? Kajian lanjutan akan dilakukan oleh penulis.

Tanah Melayu, tidak kurang hebatnya dengan tokoh-tokoh falak yang lahir dari generasi terdahulu. Sebagai contohnya, Tuan Guru Haji Abdul Aziz bin Haji Ibrahim merupakan ulama besar negeri Kedah dan merupakan anggota Majlis Fatwa Negeri Kedah yang paling senior dan paling lama berkhidmat. Beliau dilahirkan di Kampung Semut Api, Kelantan Darul Naim dan pernah berguru dengan Tok Kenali (Haji Muhammad Yusuf bin Ahmad). Selain Pondok Kenali, beliau juga berulang mengaji ke Masjid Muhammadi dan antara guru-guru beliau di sana adalah Tuan Guru Haji Umar bin Ismail Nuruddin, Sungai Keladi iaitu tokoh falak Kelantan terkemuka.

Senarai ringkas ahli-ahli falak yang

menetap di Tanah Melayu adalah seperti berikut:

1. Ahli Falak Kedah Darul Aman:
 - a. Syeikh Wan Sulaiman bin Wan Sidek (1874 – 1935)
 - b. Haji Abdul Aziz bin Haji Ibrahim (1904 – 2004)
2. Ahli Falak Pulau Pinang:
 - a. Syeikh Tahir Jalaluddin (1869 – 1956)
 - b. Syeikh Abdullah Fahim (1879 – 1961)
 - c. Haji Ahmad Khair Taib (– 2004)
3. Ahli Falak Perak Darul Ridzuan:
 - a. Syeikh Mohd. Abu Fadhil
 - b. Haji Mohd. Khair bin Haji Mohd. Taib (1922 – 1989)
4. Ahli Falak Kelantan Darul Naim:
 - a. Haji Umar bin Ismail Nuruddin (1867 – 1946)
 - b. Datuk Haji Mohd. Noor bin Haji Ibrahim (1905 – 1987)
 - c. Haji Abdul Rahman bin Salleh (1930 – 2010)
 - d. Haji Abdul Rahman bin Hussain (1945 – 2006)
5. Ahli Falak Terengganu Darul Iman:
 - a. Dato' Purba Diraja Haji Wan Abdul Rahman bin Long (1911 – 1990)

- b. Haji Abdul Ghani bin Salleh (1929 – 2009)
6. Ahli Falak Melaka:
- a. Haji Abdul Lathif Tambi bin Haji Muhammad Shalih (1872 – 1939)
7. Ahli Falak Negeri Sembilan:
- a. Syeikh Ahmad bin Muhammad Said Jamaluddin Al Linggi (1875 – 1926)

D. Penutup

Apa yang pasti ialah kedatangan Islam adalah berserentak dengan Ilmu Falak. Walau bagaimanapun perkembangan Ilmu Falak di Nusantara Melayu adalah sangat perlahan dan hanya mencakupi hal ehwal ibadat sahaja manakala pemikiran saintifik mengenai kejadian dan pergerakan alam semesta (kosmologi) masih belum mendapat tempat yang luas. Hanya seorang sahaja ulama Aceh yang berasal dari India memperkenalkan Kosmologi Islam iaitu Syeikh Nuruddin Ar Raniri berjudul *Bad-u Khalqis Samawatiwal Ardh* (1638 – 1644).

Walaupun di rantau Timur Tengah telah lama berlalu zaman ilmuwan Islam tersohor yang membuat dan menemui sekian banyak perhitungan falak dengan menerbitkan jadual-jadual falak, membina balai cerap dan mencipta peralatan astrolab dan rubuk seperti Al Fazari (756 – 806), Al

Khawarizmi (780 – 850), Al Kindi (801 – 866), Thabit Ibnu Qurrah (836 – 901), Al Battani (854 – 929), Al Farghani (860), Abul Hasan Ali Al Mas'udi (957), Abdur Rahman As Sufi (903 – 986), Muhammad Al Buzjani (940 – 998), Al Haitam (965 – 1038), Al Biruni (973 – 1048), Maslamah Ibnu Ahmad Al Majriti (1025 – 1087), Az Zarlqali (1029 – 1087), 'Umar Al Khayyam (1044 – 1123), Al Bitruji (1217), Nasirud Din At Tusi (1201 – 1274) dan Muhammad Taragai Ulugh Beg ibnu Shah Rukh atau Ulugh Beg (1394 – 1449); namun rantau Nusantara Melayu belum lagi mencapai kemajuan penting dalam Ilmu Falak. Hanya permulaan awal abad ke-18 sahaja barulah era permulaan kesusasteraan Ilmu Falak Melayu dengan pelbagai kitab-kitab kuning manuskrip Jawi dan Arab.

Lima ratus tahun semenjak berlalunya zaman Ulugh Beg telah diperlukan oleh bangsa Melayu untuk mengadaptasikan jadual falak *Zij Ulugh Beg* kedalam kitab *Sullamun Naiyirain* susunan Kiyai Haji Muhammad Manshur bin 'Abdul Hamid bin Muhammad Damiri bin Muhammad Habib bin Abdul Muhit Al Batawi yang terkenal dengan sebutan Guru Manshur Jembatan Lima pada tahun 1900-an. Kita tetap bersyukur kerana walaupun bangsa kita tertinggal jauh di belakang bangsa-bangsa besar dan hebat lain di dunia ini tetapi kita masih dirahmati oleh Allah untuk mendalami ilmu-ilmu

peninggalan mereka yang telah mengharumkan dunia.

Persoalannya kini, masih tertinggalkah lagi kita untuk mengejar ilmu astronomi moden barat yang serba amat maju itu pada hari ini tatkala mereka telah menguasai angkasa lepas dengan sekian teknologi roket dan satelit yang telah pun tiba di Planet Pluto pada 15 Julai 2015 lalu dalam misi kapal angkasa New Horizon sedangkan orang Melayu-Islam masih lagi berbalah sesama sendiri tidak ada surutnya mengenai manusia tidak menjejak kaki di bulan dan matahari mengelilingi bumi. Inilah dilema keilmuan Melayu-Islam masakini yang tidak mahu berubah seiring dengan kemajuan sains astronomi hari ini.

Manakala hanya beberapa negeri di Malaysia sahaja yang positif dalam memajukan sains astronomi dengan penubuhan balai cerap negeri dan planetarium iaitu Melaka, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Manakala Perak, Kelantan, Johor dan Pahang sedang dalam perancangan. Malangnya negeri Kedah yang pernah mempunyai ahli-ahli falak tersohor suatu ketika dahulu dan salah seorangnya ialah Haji Mohd. Khair bin Haji Mohd. Taib (ahli falak negara yang lahir di Alor Setar dan kemudiannya menetap di Ipoh, Perak) belum mahu

berbuat apa-apa ataupun tidak berminat dalam astronomi dan Ilmu Falak walaupun kerajaan pusat telahpun membina Balai Cerap Negara di Langkawi, itupun bukan untuk anak-anak negeri Kedah. Maka kerajaan negeri Kedah sepatutnya berfikir kembali kepentingan membangunkan kembali prasarana ilmu ini contohnya mewujudkan pengajian falak di Universiti Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniShams) untuk anak-anak negeri agar akan ada pelapis Ilmu Falak di masa hadapan.

Sesungguhnya Ilmu Falak adalah Warisan Tamadun Islam dan perkataan falak terdapat di dalam Al Quran. Ilmuwan falak pula adalah pewaris ilmu Nabi-nabi. Nabi Idris AS adalah seorang nabi yang mengajar ilmu falak. Rasulullah SAW juga menyebut kepentingan memahami pergerakan bulan, matahari dan bintang-bintang demi mengingati kebesaran Allah. Wallahua'lam bil ghaib.

Daftar Pustaka

- Arsyad Mokhtar. 2018. *Sulaiman Al-Mahri: Tuhfat al-Fuḥūl Fī Tamhīd al-Uṣūl fī 'Ilm al-Biḥār*. Pulau Pinang: Baytul Hikma.
- Fuat Sezgin. 2006. *Katalog Kecemerlangan Sains dalam Tamadun Islam: Sains Islam Mendahului Zaman*. Kuala Lumpur: Akademi Sains Malaysia.

Nurcholish Madjid –Redaksi. 2001.

Ensiklopedi Islam untuk Pelajar Jilid

6. Halaman 81 -Islam di Nusantara.

Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 2009.

Koleksi Ulama Nusantara Jilid 1 dan

2, Artikel Bersiri Akhbar utusan

Malaysia Tahun 2005. Selangor:

Khazanah Fathaniyah.